

Terpulang kepada Lembaga

R H 18 MAY 1981

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan beliau telah menyebarkan rayuan pengampunan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Beliau memberitahu para pemberita rayuan tersebut telah pun disebarkan ketika beliau menjadi Pemangku Perdana Menteri, iaitu semasa Datuk Hussein Onn menjalani pembedahan jantung awal Februari lalu.

Tetapi, tambah beliau, "Setakat ini saya tidak tahu menahu dengan keputusan pengampunan tersebut.

"Terserahlah kepada Lembaga Pengampunan untuk membuat keputusannya," kata beliau.

Datuk Harun kini masuk kali ketiga memohon rayuan dari Seri Paduka Baginda.

Keputusan

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj awal minggu ini menyatakan Seri Paduka Baginda telah pun membuat keputusan, tetapi enggan menjelaskan keputusan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang dijangka akan memegang jawatan Presiden UMNO berikutan keputusan Datuk Hussein Onn tidak bertanding berkata, "Setakat ini beliau belum menerima borang pencalonan sebagai presiden.

Di Melaka hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan, UMNO sebenarnya sebuah parti diasaskan kepada bilangan ahli yang ramai dan bukan berasaskan sistem perkaderan lalu pemilihan pucuk pimpinan hanya kepada orang yang disukai sahaja.

"UMNO adalah sebuah parti yang disusun sebagai parti mass based atau parti yang didukung oleh rakyat khususnya orang-orang Melayu," katanya sewaktu merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Alor Gajah, pagi ini.

Beliau berkata, ada pendapat menyatakan parti yang didukung oleh atau diasaskan kepada bilangan yang ramai tidak dapat sokongan dan sukar hendak mendisiplinkan ahli-ahlinya.

600,000 ahli

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan parti bergantung kepada bilangan ahli yang ramai dan ahli-ahli UMNO menurut laporan ibu pejabat UMNO ialah 600,000 orang.

"Saya berpendapat dengan jumlah 600,000 orang itu, sudah tentu ada 600,000 pendapat dan kadangkala pendapat-pendapat itu bercanggah sehingga sukar parti bergerak secara teratur serta tersusun, maka timbul keadaan huru-hara dalam parti," tegas beliau.

Tetapi kata beliau, kita bersyukur kerana UMNO didukung oleh ahli-ahli yang suka kepada cara yang teratur walau pun terdapat pendapat-pendapat yang berbeza.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan rasa dukacita dengan pengumuman Datuk Hussein Onn tidak akan bertanding lagi untuk jawatan Presiden UMNO dan ini adalah berita yang menimbulkan kesedihan di kalangan ahli-ahli UMNO.

"Kita adalah sebuah parti yang konservatif yang tidak suka kepada banyak perubahan kerana ini akan menimbulkan banyak masalah," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kita harus mendesak Datuk Hussein mengekalkan jawatannya supaya UMNO dalam keadaan tenang dan tidak berlaku kempen mengempen dalam pemilihan pucuk pimpinan akibat dari keputusan Perdana Menteri itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tahu ada setengah ahli UMNO bersikap begini, tetapi mereka ini tetap menaruh kepercayaan kepada perjuangan UMNO.

"Saya sendiri pernah disingkirkan dari UMNO tetapi saya tetap taat setia dan menaruh kepercayaan kepada perjuangan UMNO. Jika tidak ada taat setia, kita akan hancur," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa mereka berhak bersuara,

memilih pemimpin dan sebagainya tetapi jika hak itu tidak digunakan secara berfikir dan ilmiah, maka ia akan memburukkan diri kita sendiri.

Beliau berkata, kestabilan dan ketuhanan UMNO adalah penting kita fikirkan walaupun kita mempunyai pendapat yang berbeza-beza tetapi kita merapatkan barisan UMNO untuk kepentingan orang-orang Melayu khususnya dan negara amnya.

Berharap

"Saya amat berharap pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain dan golongan masyarakat lain di negara ini memahami bahawa usaha kerajaan menolong kaum bumiputera bukanlah satu diskriminasi tetapi paling penting, kita hendak mengimbangkan taraf kedudukan orang-orang Melayu dengan bangsa-bangsa lain," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan rasa kesal kerana ada sebahagian bumiputera yang sudah mendapat peluang dari Dasar Ekonomi Baru tidak menggunakan peluang itu seperti yang diharapkan malah memberi peluang tersebut kepada orang lain.